



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## **PERABOT TAMAN DWI FUNGSI**

Mohd Nur Syaikhul Al-Hafiz Bin Hj. Salleh

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Senireka)  
2009



PERABOT TAMAN DWI FUNGSI

MOHD NUR SYAIKHUL AL-HAFIZ BIN HJ. SALLEH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2009

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PERABOT TAMAN DWI FUNGSI

SESI PENGAJIAN: 2006/2009

Saya MOHD NUR SYAIKHUL AL-HAFIZ HJ. SALLEH.


Mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \*\* sila tandakan ( √ )

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
Tandatangan Penulis  
Tarikh: 15/05/09  
1077-1 Kg. Meraga Beris 24100,  
Kijal, Kemaman, Terengganu.

  
Tandatangan Penyelia  
Tarikh: 21.5.2009

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu diklasikan sebagai TERHAD.

## PENGESAHAN

Adalah ini diakui, saya Mohd Nur Syaikhul Al-Hafiz Salleh menjalankan penyelidikan yang bertajuk 'Perabot Taman Dwi Fungsi' sebagai sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam program Teknologi Seni Reka ~~Industri~~

Disahkan oleh:



Prof Madya Dr Hj Khairul Aidil Azlin Abd Rahman

Penyelia

21.5.2009

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '[Perabot Taman Dwi Fungsi]' telah disediakan oleh [Mohd Nur Syaikhul Al-Hafiz Salleh] dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian(Teknologi Seni Reka Industri).

Diterima untuk diperiksa  
oleh:



(Prof Madya Dr Hj Khairul Aidil Azlin Abd Rahman)

Tarikh:

21.5.2009

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah projek tahun akhir ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada para pensyarah terutama Prof. Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman selaku penyelia yang banyak memberi idea, sokongan dan mencadangkan banyak penyelesaian dalam menyiapkan projek tahun akhir.

Seterusnya kepada semua kakitangan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) kerana telah memberikan kerjasama yang baik dalam menghasilkan kajian ini.

Terima kasih buat ayahanda Salleh bin ismail dan bonda kesayangan Abidah Binti Deraman yang menjadi sumber inspirasi dan ahli keluarga di atas bantuan kewangan, dorongan dan restu. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, dan kepada semua yang terlibat setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan atas bantuan dan dorongan yang telah diberikan.

Sekian, Terima Kasih.

JADUAL KANDUNGAN	MUKA SURAT
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan Status Laporan	ii
Pengesahan Dan Tandatangan Penyelia	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii

#### BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1-2
1.1	Pengenalan	2-3
1.2	Permasalahan menjalankan kajian	3
1.3	Objektif penyelidikan	4
1.4	Skop kajian	4
1.5	Hipotesis	4-5
1.6	Limitasi kajian	5

#### BAB 2 : KAJIAN LEPAS

2.0	Latar belakang reka bentuk meja dalam konteks sejarah	6-7
2.1	Kajian terhadap perabot sedia ada	7-8

### **BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0	Pengenalan Metodologi Penyelidikan	9-11
3.1	Kajian Kualitatif	12
3.2	Pengumpulan data	12
3.21	Kaedah pemerhatian	12
3.22	Kaedah soal selidik	12-13
3.23	Kaedah temubual	13
3.24	Kaedah fotografi	14
3.25	Kaedah sekunder	14
3.3	Kaedah Kuantitatif	14-15
3.4	Kajian Ergonomik	16-17
3.5	Kajian kes	18
3.6	Analisa data sekunder	18

### **BAB 4 : HASIL DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	19
4.1	Pemerhatian	19
4.2	Analisa data borang soal selidik	20-27

### **BAB 5 : SPESIFIKASI DAN CADANGAN REKA BENTUK**

5.0	Spesifikasi Reka bentuk	28-29
5.1	Perkembangan Reka bentuk	29-30
5.2	Perkembangan idea akhir	30



5.3	Lukisan pecahan dan cara penyimpanan	31
5.4	Kajian Ergonomik	32
4.5	Lukisan Teknikal Produk	33
4.7	Cara Penggunaan Meja	34
4.6	Idea Akhir	35
4.8	Keputusan dan Cadangan Rekaan	36
4.9	Tuntutan	36-37

## **BAB 6 : KESIMPULAN DAN PENUTUP**

6.0	Kesimpulan	38
6.1	Penutup	38-39
	<u>BIBLIOGRAFI</u>	40
	<u>LAMPIRAN A</u>	41
	<u>LAMPIRAN B</u>	42
	<u>LAMPIRAN C</u>	43
	<u>LAMPIRAN D</u>	44
	<u>LAMPIRAN E</u>	45

## Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji penggunaan perabot taman dwi fungsi. Kajian ini telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan seperti struktur penyimpanan, fungsi dan aplikasi bahan. Hasil dapatan, reka bentuk perabot dwi fungsi dapat memenuhi keperluan dan citarasa pengguna.

### *Abstract*

*This research aims to investigate the usage of double-function furniture especially in garden furniture. The investigation had identified weaknesses of existing design such as the chair structure, functions, rigidity, storage structure, and material application. The result from the research had shown that furniture with the double-function design can meet the consumer requirements and needs.*

## BAB (1)

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Industri perabot Malaysia membangun pada tahun 1998, selepas mengalami 14% kejatuhan menyebabkan pengeluaran perabot memenuhi permintaan, eksport pengeluaran perabot di anggarkan sebanyak USD 1828 Million dalam tahun 2000.<sup>1</sup>

Menurut perangkaan yang dibuat oleh Malaysian Timber Council (MTC) dan Malaysian International Furniture fair (MIFF) telah menjalankan kajian terhadap industri perabot di Malaysia melalui empat tinjauan yang telah dilakukan di antara bulan September dan November 1997 terhadap kumpulan pengeluar, orang perantaraan dan kumpulan pengguna. Anggaran 750 pengeluaran perabot dan syarikat- syarikat Malaysia yang mengeksport perabot dan 15,000 buah badan perdagangan kecil memainkan peranan yang membantu dalam industri ini, peratusan pengeluaran perabot luar rumah yang diperbuat menggunakan kayu getah dan oak adalah sebanyak 35%, penggunaan bahan logam seperti keluli *Stainless Steel* dan besi tempa *Wrought Iron* adalah sebanyak 50% dan penggunaan kayu keras seperti Jati, Merbau, Meranti adalah eksklusif untuk kegunaan tertentu dan lebih kepada ukiran tradisional iaitu 25% daripada pengeluaran perabot Negara.

---

<sup>1</sup> Laman web ([www.furniture.Malaysia.com](http://www.furniture.Malaysia.com))

Gaya hidup masyarakat yang moden seiring dengan teknologi yang canggih juga turut mengubah pandangan dan mempengaruhi citarasa masyarakat terhadap perabot, terutama bagi reka bentuk perabot luar rumah. Pemilihan bahan juga berubah dan selaras dengan perkembangan rekaan dan infrastruktur semasa yang lebih kepada penggunaan bahan seperti kaca, keluli *Stainless Steel*, dan kombinasi bahan ini semakin meluas digunakan dalam rekaan kini.

### **1.1 Pengenalan**

Perabot modular merupakan perabot yang boleh dibuka dari bahagian yang lain dan dicantum balik mengikut kesesuaian serta kegunaan. Setiap bahagian perabot dari bahagian yang lain mempunyai fungsinya yang tersendiri. Konsep perabot modular telah menjadi pilihan bagi sesetengah pereka industri yang terkemuka, antaranya ialah Andrea Zittel. Dalam kajian Morsiani et al. (2005) terhadap reka bentuk Andrea Zittel, beliau menerangkan bahawa rekaan Zittel sebagai "Their volumetric expansion is modular, and so is the production of the units as multiples. They provide economy of space and maximum usability with the aim of streamlining their user's lives". Ini bermaksud rekaan Zittel amat memahami keperluan pengguna yang memerlukan ruang yang terhad dan juga penggunaan yang maksimum bagi perabot mereka. Menurut Morsiani, contoh rekaan modular Zittel boleh dilihat dalam A-Z. Cellular Compartment Units di mana rekaan beliau berbentuk kapsul yang menyatukan kesemua fungsi menjadi satu.

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan reka bentuk perabot luar rumah mengikut citarasa pengguna di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah iaitu melalui pengumpulan data yang telah dibuat melalui dua kaedah iaitu melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Melalui kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa permasalahan bagi perabot yang sedia ada di pasaran kini. Antara permasalahan tersebut adalah reka bentuk perabot luar rumah kurang ergonomik iaitu tidak mempunyai ciri-ciri keselesaan, keselamatan yang baik, rekaan yang tidak fleksibel iaitu tidak mempunyai fungsi yang senang untuk dikendalikan, kaedah untuk penyimpanan yang tidak sistematik apabila tidak digunakan. Reka bentuk meja sedia ada tidak mempunyai fungsi tersendiri. Contohnya meja yang direka tidak diaplikasikan dengan fungsi-fungsi tertentu yang dapat membolehkan meja itu bertukar kepada bentuk yang lain. Penggunaan material yang tidak tahan lasak menyebabkan kualiti meja tidak bagus dan tidak tahan lama. Selain itu juga, reka bentuk perabot luar rumah tidak mempunyai kepelbagaian fungsi dan tidak memenuhi citarasa pengguna tempatan.

### **1.3 Objektif penyelidikan**

- I. Mengkaji kelemahan terhadap reka bentuk meja yang sedia ada bagi mendapatkan rekaan meja yang baik dan memenuhi citarasa pengguna.
- II. Menganalisa maklumat-maklumat yang diperolehi bagi mengatasi segala kelemahan yang terdapat pada rekaan meja.
- III. Menghasilkan reka bentuk berdasarkan spesifikasi cadangan yang telah diperolehi.
- IV. Validasi produk

### **1.4 Skop kajian**

Kajian tertumpu kepada kawasan luar rumah serta taman-taman permainan mahupun taman rekreasi di sekitar Bandar raya Kuching Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak. Kajian adalah berkaitan dengan reka bentuk perabot terkini.

### **1.5 Hipotesis**

Sebelum penyelidikan dijalankan, penyelidik terlebih dahulu melakukan pemerhatian terhadap ciri-ciri perabot luar rumah melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Penyelidik membuat hipotesis bahawa perabot modular yang direka mempunyai lebih dari satu fungsi, mudah dialih, serta dapat mereka sebuah perabot yang tidak memakan ruang yang banyak di luar atau di dalam rumah pengguna, disamping menambah ciri-ciri keselamatan pada meja luar rumah berdasarkan kepada

permasalahan daripada kajian ergonomik yang telah dijalankan. Proses pembuatan perabot dan jenis reka bentuk yang memudahkan proses pengeluaran menjadi faktor penting yang mempengaruhi sesuatu reka bentuk perabot yang memenuhi citarasa pengguna.

Penyelidik melakukan perbandingan dan mengenalpasti ciri-ciri perabot yang sedia ada dipasaran bagi merekabentuk perabot yang menepati citarasa pengguna tempatan.

#### **1.6 Limitasi kajian**

Kajian citarasa masyarakat tempatan terhadap perabot luar rumah. Eklorasi ini adalah bertujuan untuk menghasilkan perabot luar rumah yang memenuhi citarasa pengguna tempatan. Kaedah yang dijalankan oleh pengkaji adalah melalui kaedah pemerhatian, temuramah dan eksperimentasi.

Sasaran pengguna produk ini adalah bagi pengguna yang berumur dua puluh satu tahun hingga tiga puluh tahun ke atas. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pengguna tempatan lebih meminati sesuatu rekabentuk perabot luar rumah yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian fungsi pada suatu masa untuk menjalankan aktiviti riadah bersama keluarga.



## BAB (2)

### KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Latar belakang reka bentuk meja dalam konteks sejarah

Meja atau tempat alas untuk meletak barang atau bahan makanan telah dicipta pada zaman pemerintahan Mesir iaitu pertengahan (3200-341sm), di percayai bahawa berdasarkan kepada lukisan dan corak atau lakaran yang terdahulu pada dinding-dinding gua dan pada barangan seperti pasu, tempayan, alas makan dan sebagainya, meja digunakan bagi tujuan melengkap upacara keagamaan bagi tujuan pemujaan kepada mayat dan orang ternama. Meja juga digunakan sebagai tempat duduk, tempat untuk meletak bahan pemujaan, menghidangkan bahan makanan dan juga bagi tujuan untuk mempamerkan barangan yang berharga pada tetamu.<sup>2</sup>



Rajah 1: Lukisan yang menunjukkan perbezaan golongan dalam masyarakat Greek pada zaman *Renaissance* (1500sm)

<sup>2</sup> Laman web (<http://ezinearticles.com>)

Pada zaman Greek iaitu (500-300sm) masyarakat Greek pula menggunakan perabot seperti meja untuk menikmati hidangan. pada era *English Renaissance* pada 1500-1600sm. Selain itu juga ia digunakan sebagai tempat untuk menghidang makan malam, hal ini kerana masyarakat Greek menganggap penggunaan meja semasa makan adalah salah satu adab dan nilai kesopanan dan tatacara baik.

## 2.1 Kajian terhadap perabot sedia ada



Figura 2



Figura 3



Figura 4



Figura 5



Figura 6




Figura 7


Figura 2 hingga 7: Menunjukkan reka bentuk meja luar rumah yang sedia ada.

## BAB (3)


### METODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 3.0 Pengenalan Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan yang telah dijalankan adalah berdasarkan kepada dua kaedah utama iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif terdiri daripada pemerhatian, etnografi, fotografi, temuduga, eksperimen, pengalaman, data skunder dan lain-lain yang tidak melibatkan nombor. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian, fotografi, temuduga atau temubual dan pengumpulan data skunder. Melalui kaedah kualitatif juga, penyelidik telah melakukan pemerhatian terhadap perabot yang sedia ada di pasaran dari segi bahan dan reka bentuk perabot. Proses temuramah dijalankan kepada pengeluar-pengeluar perabot, pengguna perabot tempatan, kedai-kedai, kilang-kilang perabot dan pembuat perabot luar rumah di sekitar Bandar raya Kuching Sarawak. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah kuantitatif yang terdiri daripada borang kaji selidik. Borang kaji selidik akan diedarkan di sekitar Bandar raya Kuching Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak. Maklumat dianalisa terlebih dahulu sebelum diakseskan untuk digunakan dalam penyelidikan.



Rajah 8: Jadual Fasa Penyelidikan



Rajah 9 : Menerangkan tentang pembahagian yang terdapat dalam metodologi

Dalam metodologi penyelidikan terdapat tiga kaedah yang dijalankan iaitu melalui pemerhatian, pengalaman dan kajian. Tujuan metodologi adalah untuk mencari penyelesaian masalah. Kaedah dan prosedur penyelidikan yang teratur dan strategik sangat penting bagi mendapatkan penyelesaian terhadap permasalahan yang dikaji.

Aplikasi penyelidikan memfokuskan ketepatan dan bukti yang sahih. Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data primier dan sekunder adalah:

- Kajian kualitatif
- Kajian kuantitatif

### **3.1 Kajian Kualitatif**

Skop kajian dalam bentuk kualitatif melibatkan kaedah seperti pemerhatian, temuramah, fotografi, kajian kes, analisa data sekunder dan sudut perbandingan.

### **3.2 Pengumpulan data**

Penyelidik menggunakan sumber data primer dan juga data sekunder untuk mendapatkan maklumat kajian data primer merupakan maklumat yang di perolehi melalui boring soal selidik. Data sekunder pula adalah sumber- sumber maklumat yang di perolehi oleh data-data yang sedia ada, dan maklumat tersebut pula adalah merangkumi keseluruhan media massa iaitu maklumat oleh media cetak dan media elektronik seperti risalah (*brochure*), web site dan sebagainya.

#### **3.21 Kaedah pemerhatian**

Kaedah ini digunakan untuk meneliti perkembangan data berhubung kajian yang telah di lakukan, iaitu sejauh manakah permintaan atau citarasa pengguna terhadap perabot luar rumah mengikut tujuan mereka terhadap perabot tersebut dan meneliti keperluan dan kepentingan rekaan yang lebih baik dalam memenuhi kehendak selaras dengan cara hidup mereka dan faktor-faktor yang berkaitan.

#### **3.22 Kaedah soal selidik**

Borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji merangkumi empat bahagian secara keseluruhan iaitu bahagian A, B , C dan D. Bahagian (A) adalah

berkenaan kajian demografi, Bahagian (B) adalah persepsi rekaan perabot luar rumah yang telah sedia ada, bahagian (C) pula adalah bahagian cadangan reka bentuk perabot rumah yang baru, manakala bahagian (D) adalah berkenaan dengan pendapat pengguna untuk rekaan perabot luar rumah.

Kajian soal selidik ini melibatkan 100 orang responden mengikut kategori umur dan kawasan dan faktor-faktor setempat yang berbeza. Sebanyak 100 keping borang soal selidik diedarkan kepada responden. Dalam bahagian persepsi pengguna terhadap rekaan perabot luar rumah yang sedia ada, terdapat beberapa soalan diajukan dalam bahagian tersebut yang berkait dengan pengalaman pengguna untuk menggunakan produk berkenaan, masalah yang dihadapi pengguna, ciri-ciri ergonomik ( keselesaan, keselamatan, ketahanan ) dan kesesuaian pengaplikasian pada rekaan, cara pengendalian produk, dan kesesuaian bahan yang digunakan dalam pembuatan perabot.

### **3.23 Kaedah temubual**

Pengkaji mengajukan beberapa soalan kepada responden berkaitan dengan reka bentuk perabot luar. Soalan-soalan yang berbeza akan diajukan kepada responden di Negeri Sarawak iaitu sekitar Bandar Kuching, Kota Samarahan dan beberapa buah Kedai dan kilang-kilang pembuat perabot di Negeri Sarawak.